

PM: Jangan irihati perlantikan Rashid

KUALA LUMPUR 16 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mana-mana pihak tidak seharusnya merasa irihati atau memandang serong keputusan kerajaan melantik tokoh korporat, Rashid Hussein menganggotai ahli lembaga pengarah Khazanah Holdings Berhad.

Katanya, beliau yakin Rashid yang juga Pengerusi Eksekutif Rashid Hussain Bhd., (RHB) tidak akan menggunakan kedudukannya itu untuk kepentingan peribadi.

"Saya tidak fikir kedudukan itu akan membolehkan Rashid memperolehi maklumat daripada kerajaan untuk kepentingan perniagaannya sebaliknya kerajaan akan memperolehi maklumat daripada beliau," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pembukaan pameran Nokia Telecommunications & Sapura Telecommunications Industries di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai dakwaan sesetengah pihak yang beranggapan bahawa perlantikan Rashid sebagai ahli pengarah Khazanah Holdings Bhd akan membolehkan beliau menggunakan kedudukan itu untuk kepentingan peribadinya.

Rashid Hussein merupakan antara lima ahli ekonomi tempatan terkemuka yang dipilih menganggotai lembaga pengarah syarikat Khazanah Holdings Berhad yang akan mengambil alih fungsi Menteri Kewangan.

Dua ahli lembaga pengarah Khazanah Holdings

yang mewakili kerajaan ialah Ketua Pengarah Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Gabenor Bank Negara Ahmad Mohd. Don.

Selain Rashid seorang lagi ahli korporat yang dipilih untuk wakil swasta di

dalam syarikat itu ialah Pengerusi Eksekutif Price Waterhouse, Raja Arshad Raja Tun Uda.

Perdana Menteri seterusnya berkata, sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi kerajaan memerlukan khidmat Rashid.

"Negara memerlukan kh-

idmat orang seperti ini dan dalam masa yang sama kita tidak boleh menyuruh seseorang itu berhenti bekerja untuk dirinya dan bekerja dengan kita, kita tidak boleh membayar jumlah wang yang dia perolehi (hasil perniagaan yang dijalankan)," katanya.

Menurut beliau, mana-mana pihak seharusnya tidak membangkitkan soal perlantikan itu semata-mata kerana mempunyai perasaan benci dan dengki.

Maklumat

"Jika kita sanggup membayar RM100,000 sebulan kepada seseorang yang diperlukan khidmatnya oleh negara mungkin kita boleh mendapat orang yang terpisah sama sekali dengan perniagaan yang dijalankan olehnya sebelum ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, segala kepakaran yang dimiliki oleh Rashid akan digunakan untuk kepentingan kerajaan.

"Dia (Rashid) tidak perlu ada dalam kerajaan pun dia sudah ada banyak duit...dia sudah berjaya...tidak payah dia hendak tunggu sehingga mendapat maklumat daripada kerajaan (untuk kaya)," katanya.